

# **PTV Diutamakan, Self-Actualization Didahulukan**

*Chia-Peggie<sup>1</sup>, Rohana Hamzah<sup>2</sup> & Amirmudin Udin<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

---

**ABSTRAK :** Artikel ini menerangkan kepentingan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia serta konsep *Self-Actualization* (sedar kendiri) bagi seseorang pelajar dalam proses meneroki dan menemui ilmu pengetahuan. Reformasi pendidikan di Malaysia yang bermula pada awal tahun 80-an secara tidak langsung turut memberi kesan kepada beberapa perubahan penting dalam dasar dan akta Pendidikan Teknik dan Vokasional. Dalam artikel ini akan fokus kepada peranan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia sebagai institusi yang akan melahirkan modal insan berketerampilan unggul yang sangat diperlukan oleh negara. Di samping menerangkan kepentingan PTV di Malaysia, artikel ini juga akan menyentuh tentang kepentingan konsep sedar kendiri (*self-actualization*) serta peringkat-peringkat yang perlu dilalui bagi seseorang untuk mencapai tahap mengenal hakikat diri.

**Katakunci :** *Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV), Sedar Kendiri*

**ABSTRACT :** This article explains the importance of Technical and Vocational Education (TVE) in the Malaysia and the concept of Self-Actualization (self-self) for a student in the process finding and discovering knowledge. Educational reform in the Malaysia that began in the early 80's, indirectly affect the number of significant changes in policy and Vocational and Technical Education Act. In this article we will focus on the role of Technical and Vocational Education in the Malaysia as an institution that will produce skilled human capital that is required by the needs of the country. In addition to describing the importance of TVE in the Malaysia, this article will also touch on the importance of the concept of self-actualization and the stages that must be taken for a person to achieve self-know fact.

**Keywords :** *Vocational And Technique Education (PTV), Self-Actualization*

---

## **1.0 DEFINISI PENDIDIKAN**

Menurut John Dewey (1859-1952), pendidikan adalah suatu proses pembaharuan makna pengalaman, hal ini mungkin akan terjadi di dalam pergaulan biasa atau pergaulan orang dewasa dengan orang muda. Proses ini mungkin terjadi secara formal atau tidak formal untuk menghasilkan kesinambungan sosial. Proses ini melibatkan pengawasan dan perkembangan dari bertemu orang yang matang dalam kelompok di mana dia hidup kepada orang yang belum berilmu dalam kelompok sosial di mana mereka tinggal.<sup>2</sup>

Secara umumnya, pendidikan ialah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani mereka. (Mok,2010). Secara khususnya, pendidikan boleh diertikan sebagai satu aktiviti persekolahan. Pendidikan merupakan suatu aktiviti yang mempunyai rancangan, objektif dan organisasi yang teratur dan berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

Pendidikan adalah bertujuan untuk melahirkan warga negara yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berakhhlak mulia, berketerampilan dan berkeupayaan

mancapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## 2.0 PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (PTV)

Pembangunan sumber manusia adalah penting bagi mencapai kemakmuran di sebuah Negara. Sumber manusia yang diperlukan itu pula bergantung kepada corak dan struktur ekonomi yang terdapat pada sesuatu masa. Pada masa lampau, pendidikan umum mungkin memadai bagi pembangunan sumber manusia, tetapi sekarang ini jenis sumber manusia yang diperlukan adalah berbeza. Misalnya kini lebih ramai juruteknik dan jurutera diperlukan, tetapi sistem pendidikan kita telah menghasilkan pekerja-pekerja yang tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan itu. Akibatnya berlakulah apa yang disebut *mismatch* atau ketidakseimbangan di antara keperluan dan pengeluaran.(Haji Yahya, 2005).

Setiap pelajar di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan tidak mengira umur, jantina ataupun bangsa. Dasar Pendidikan Negara menginginkan pelajarnya maju dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial. Walaupun begitu, terdapat segelintir pelajar yang dianggap sebagai pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik yang sentiasanya telah diabaikan atau tidak diambil berat oleh masyarakat. Golongan pelajar ini sebenarnya juga mempunyai keistimewaan atau kelainan seperti pelajar lain, tetapi mereka sering dianggap mundur dan lemah. Pelajar ini sebenarnya perlu diberi perhatian, dorongan dan galakan supaya dapat membangunkan potensi mereka dan seterusnya menjadi rakyat yang berguna kepada negara serta memberi sumbangan kepada negara sebagaimana pelajar yang lain.

Maka, kerajaan haruslah melaksanakan satu sistem pendidikan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat pada zaman yang semakin berubah dan berkembang dalam pelbagai bidang. Oleh itu, Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia memainkan peranan yang amat penting dalam menyediakan latihan kemahiran asas untuk pembangunan tenaga manusia yang diperlukan. Pendidikan teknik dan vokasional boleh menyediakan pelajar bagi memenuhi alam pekerjaan dan kemahiran hidup.

Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia telah wujud sekian lama iaitu sebelum kedatangan penjajah lagi. Perkembangan ini telah merentasi masa sejak zaman berzaman hingga ke hari ini. Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan salah satu cabang dalam pendidikan di Malaysia. Teknikal bermaksud pelaksanaan sesuatu kerja yang mengkhusus kepada sesuatu pengetahuan. Vokasional pula menurut Kamus Dewan ialah bidang yang berkaitan dengan aspek praktik sesuatu pendidikan. PTV menyumbang kepada pembangunan negara dalam sektor ekonomi, sosial dan juga kestabilan negara. PTV 3 i memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga kerja mahir dan separa mahir untuk membangunkan negara dalam sektor-sektor perindustrian tidak mengira asas sama ada pertanian, laut dan hasil bumi.

Perkembangan PTV kini pesat selaras dengan keperluan negara dalam menjana ekonomi khususnya dalam bidang perindustrian yang kini menjadi pencorak utama ekonomi negara. Bidang industri yang memainkan peranan penting merangkumi industri pengeluaran, automobil, petroleum, pembuatan dan komunikasi.

Selaras dengan itu, kerajaan telah mengembangkan PTV di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah serta Institusi Pendidikan Tinggi. Hasrat kerajaan adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berkemahiran, berilmu, berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, bertanggungjawab dan berkeupayaan menyelesaikan masalah serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara sepertimana yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pembentukan sebuah masyarakat yang berorientasikan teknologi dan keusahawanan ini adalah selaras dengan hasrat negara dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi dan keusahawanan yang pesat pada masa ini. Oleh itu usaha yang dibuat melalui Pendidikan Teknik Dan Vokasional adalah untuk membolehkan masyarakat peka terhadap perkembangan teknologi dan berupaya menangani cabaran. Sebagai langkah awal bagi melahirkan masyarakat yang cenderung ke arah ini, kemahiran praktis berasaskan reka bentuk dan teknologi serta keusahawanan didedahkan kepada pelajar melalui Pendidikan Teknik Dan Vokasional.

### **3.0 PERANAN DAN FUNGSI PTV**

Pendidikan Teknik dan Vokasional dapat dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu:

1. Aspek individu

Pendidikan teknik dan vokasional perlu kepada seseorang individu untuk berjaya dalam perkerjaan dan kerjaya di mana kemahiran-kemahiran yang lain dapat ditingkatkan.

2. Aspek sosial

Pendidikan teknik dan vokasional juga dipraktikan dalam kehidupan sosial masyarakat dimana PTV diperlukan untuk berjaya didalam kerjaya seseorang. Contohnya menyelesaikan masalah, kerjasama dalam kumpulan dan cara menggunakan maklumat yang ada, termasuk juga pengurusan keluarga dan tanggungjawab berkerja.

3. Aspek ekonomi

Jangkaan untuk mencapai pendidikan yang tinggi dan menggunakan ilmu pengetahuan yang dimiliki untuk menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dengan menggunakan kemahiran-kemahiran yang dimiliki.

### **4.0 KONSEP MENGENAL HAKIKAT DIRI (SELF-ACTUALIZATION)**

Bagi ramai orang, istilah self actualization diri ataupun sedar diri adalah telah memberi makna yang simbolik, kurang difahami, namun sebenarnya maksud sedar kendiri adalah cakap mudah iaitu 'menjadi diri anda sendiri' atau mengenai hakikat diri. Munurut Spencer dan Jeffrey (1995) daripada Maslow (1970), "*self-actualization is to become whatever we are capable of being*". Semua manusia adalah unik dan mempunyai keistimewaan diri dalam dunia yang universal ini, maka tidak akan ada orang yang akan mengikuti jalan yang sama dalam proses mencapai tahap mengenal hakikat diri.

Mengenal hakikat diri adalah istilah yang telah digunakan dalam pelbagai teori psikologi, sering kali dalam sedikit cara yang berbeza (misalnya, Goldstein, Maslow, Rogers). Istilah ini pada asalnya diperkenalkan oleh teori Kurt Goldstein untuk motif untuk menyedari potensi penuh seseorang. Namun, konsep itu dibawa ke tahap penting dalam hierarki Abraham Maslow dari perkembangan psikologi yang boleh dicapai ketika semua keperluan asas dan mental dipenuhi dan "actualization" potensi peribadi penuh berlaku. Biasanya, orang yang mencapai tahap sedar kendiri dapat melihat kehidupannya dengan jelas dan lebih berpandangan jauh.

Menurut Maslow, orang yang mencapai tahap sedar diri perlu memiliki kemampuan luar biasa untuk membezakan apakah itu benar, apakah itu nyata dan apakah itu betul. Ciri-ciri umum di antara orang-orang yang telah mencapai sedar kendiri adalah:

- Spontan, cekap bertindak.
- Mampu menyelesaikan masalah.
- Berpengalaman
- Autonomi
- Bijaksana
- Hubungan persahabatan yang kuat, mementingkan kualiti kawan dan bukan kuantiti.
- Sikap yang positif
- Rasa ingin tahu

Sedar kendiri merujuk pada lebih menyedari potensi dalam seseorang yang dapat dinyatakan dalam setiap bidang kehidupan. Seorang individu berupaya memberi penilaian positif kepada pengalaman yang dirasakan sebagai positif dan nilai negatif bagi pengalaman yang dirasakan sebagai negatif. Seseorang individu dapat mengasingkan hasil dari pengalaman positif atau negatif dalam pertumbuhan hidupnya. Seseorang individu juga boleh menerima atau menolak pengalaman tersebut dan memberikan makna yang positif kepada pengalaman yang positif dan negatif dalam pembentukan konsep sedar kendirinya.

Salah satu alasan bahawa seseorang itu tidak bergerak melalui keperluan untuk kendiri diri adalah kerana rintangan dan cabaran telah wujud dalam proses mencari atau membina sedar kendiri mereka oleh masyarakat. Untuk mengelakkan perkara ini, seseorang itu harus membangkitkan situasi mereka, untuk menyedari bahawa hidup mereka mungkin berbeza-beza atau bahawa ada perubahan yang perlu dilakukan untuk ke arah mencapai sedar kendiri.

Untuk meningkatkan pertumbuhan peribadi kita, kita harus menyedari diri kita dan mendengar perasaan atau suara hati dan keperluan kita. Kita boleh membantu anak-anak kita mencari bakat dan kemahiran kreatif, untuk mencari kerjaya yang sesuai dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kita dapat menunjukkan bahawa hidup itu berharga, bahawa ada sukacita yang harus dialami dalam hidup. 5

“Although we would probably all concede some truth to the dictum ‘Money can't buy happiness’, research indicates that most of us believe even a little more income would improve our lives and make us happier”(Myers, 2000)

Adakah duit itu sangat penting bagi seseorang? Ada orang berpendapat duit dapat membeli segala benda yang dia ingin dalam dunia ini, akan tetapi adakah ia dapat membeli kepuasan spiritual yang terletak dalam hati kita?

Menurut Pamela & Patricia (2006) “*Many observers of human have proposed that the well-live is one that is grounded in the conviction that life has meaning.*” Mereka berpendapat kehidupan yang bahagia dan gembira adalah hidup dengan bermakna.

Adakah anda kehilangan eksplorasi, perasaan ingin tahu, estetika, keindahan, sumbangan, kreativiti, keadilan atau hala tuju dalam hidup anda? Adakah anda tidak mengetahui atau belum temui apa yang anda mahukan? Anda boleh dengan mudah mengubah semua ini selepas anda membangunkan potensi diri secara menyeluruh dan berterusan.

Maslow membuat teori hirarki keperluan di mana keperluan asas untuk bertahan hidup adalah merupakan keutamaan pertama, dan keperluan berkaitan dengan potensi manusia tertinggi menurut pada ketika keperluan yang lain telah dipenuhi. (Santrock, 2006). Interpretasi daripada teori Maslow telah ditunjukkan dalam bentuk piramid. Model Maslow

yang berbentuk peringkat itu merupakan perkembangan ‘*ontological*’ individu kerana setiap peringkat perkembangan perlu dilalui oleh setiap individu.

Mengikut hirarki keperluan Maslow, keperluan psikologi atau fisiologi merupakan keperluan yang paling asas dan penting bagi semua manusia. Ia terletak di peringkat terbawah piramid serta mengambil bahagian yang terbesar. Setelah keperluan ini dipenuhi baharulah diikuti dengan keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan yakin kendiri atau penghargaan kendiri, keperluan mengetahui, keperluan estetik dan akhir sekali ialah keperluan sedar kendiri atau penyempurnaan kendiri. Keperluan sedar kendiri atau penyempurnaan kendiri merupakan peringkat tertinggi atau puncak bagi keperluan manusia. Ia adalah peringkat keperluan manusia yang paling lambat dicapai dan hanya mengambil bahagian yang sedikit sahaja. Maka, Maslow telah menamakan keperluan peringkat terbawah sebagai keperluan kekurangan dan peringkat paling tinggi sebagai keperluan perkembangan.

#### 1. Keperluan Psikologi/ Fisiologi

Mengikut teori Maslow, peringkat ini merupakan keperluan yang paling asas. Keperluan ini adalah penting bagi kehidupan sesuatu organism apatah lagi manusia. Keperluan oksigen, makanan, air dan suhu tubuh relatif konstan. Keperluan ini adalah yang terkuat kerana jika dicabut, orang tersebut akan mati.

#### 2. Keperluan Keselamatan

Telah menjadi lumrah setiap yang bernyawa, aspek keselamatan amat penting dalam hidup. Anak-anak sering memaparkan tanda-tanda ketidakamanan dan keperluan mereka untuk dilindungi. Sebagai contoh semasa dalam kesakitan seorang kanak-kanak amat memerlukan jagaan ibu bapa. Sikap keprihatian dan kepekaan dar<sup>6</sup>a seorang ibu bapa yang bertanggungjawab diharapkan demi menjaga dan ~~unt~~<sup>6</sup>menjamin keselamatannya. Bagi orang dewasa juga, perlu mempunyai tempat perlindungan dan mereka sering mempunyai rasa takut mendasari bahawa mungkin hilang, misalnya dalam perang atau semasa rusuhan sosial, atau kerana kemalangan. Ketakutan adalah aliran bertentangan dengan keperluan. Mendampingi setiap keperluan sesuatu adalah takut setara kehilangan atau tidak mendapatkan itu.

#### 3. Keperluan Sosial

Ini termasuk keperluan untuk penguasaan untuk mendapatkan cara sendiri, untuk menentukan kawalan ke atas situasi seseorang dan persekitaran, untuk menunjukkan tahap kekuatan peribadi, untuk dapat berkomunikasi, mendapatkan kuasa dan keperluan untuk cinta, kasih sayang dan rasa memiliki. Orang-orang perlu untuk mlarikan diri perasaan kesepian dan keterasingan dan memberikan (dan menerima) cinta dan kasih sayang, dan mempunyai rasa memiliki dengan komunikasi berkualiti tinggi.

#### 4. Keperluan Yakin Kendiri / Penghargaan Kendiri

Satu unsur besar dalam pembinaan konsep sedar kendiri adalah penerimaan. Penerimaan oleh keluarga, guru dan rakan sebaya dan masyarakat adalah amat penting. Penerimaan bermaksud menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang bebeza dengan individu lain dari segi, ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran. Penerimaan bererti memberi peluang kepada individu belajar menerima diri mereka sendiri. Penerimaan daripada rakan sebaya penting supaya mereka tidak merasa tersingkir. Orang perlu merasa baik tentang diri mereka sendiri, merasa bahawa mereka telah mendapatkan rasa hormat dari orang lain, dan percaya diri

adalah berharga. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, maka individu tersebut akan merasa rendah diri, lemah, tak berdaya dan tidak berharga.

#### 5. Keperluan Mengetahui

Keperluan mengetahui adalah berkaitan dengan perasaan bagi seseorang individu yang ingin tahu sesuatu perkara secara mendalam. Ia berhubung juga dengan keperluan meneroka, mencari, menyusun, menilai, mentafsir serta menganalisis sesuatu maklumat. Untuk mengetahui sesuatu perkara, seseorang itu mestilah berusaha mencari jawapan mengenai makna kehidupannya dan tentang kewujudan dirinya. Orang yang mempunyai konsep kendiri diri yang kuat lebih berkemungkinan mencapai kejayaan akademik. Rasa ingin tahu mempunyai pertalian yang erat untuk memenuhi kehendak ini. Rasa ingin tahu akan menggerakkan seseorang tersebut mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang menarik perhatian mereka.

#### 6. Keperluan Estetik

Estetik adalah ilmu yang membahas keindahan, bagaimana estetik terbentuk, dan bagaimana seseorang untuk menikmati dan merasakannya. Keperluan estetik adalah merujuk kepada keperluan manusia untuk memiliki dan memahami keindahan dan kecantikan dalam dirinya. Salah satu untuk memiliki perasaan tersebut adalah dengan cara memiliki barang yang cantik dan mempunyai unsur-unsur kesenian dalam dirinya.

#### 7. Keperluan Sedar Kendiri/ Penyempurnaan Kendiri

Konsep kendiri adalah pengertian atau kefahaman seseorang terhadap dirinya sebagai individu yang asing yang memiliki satu ciri-ciri yang unik atau istimewa merujuk Tuan Mat (2010) daripada Shaffer (1985). Ia membawa maksud bagaimana seseorang individu itu berpendapat dan menganggap dirinya. Demikian pula mengikut Atan Long (1976) daripada Maslow (1970), keperluan untuk penyempurnaan kendiri itu adalah keperluan yang menjadi kemuncak atau yang tertinggi di dalam peringkat sistem keperluan manusia. Keperluan ini hanya dapat dicapai setelah seseorang itu memenuhi keperluan lain yang terdapat pada peringkat yang lebih bawah di dalam sistem keperluan tadi. Menurutnya lagi, keperluan penyempurnaan diri ini merupakan pemenuhan keseluruhan keperluan manusia. Ini bermakna seseorang yang telah mencapai peringkat ini telah dapat memenuhi keperluan untuk mendapatkan keindahan dan estetika; ia telah dapat dengan sepenuhnya akan makna hidup; ia dapat menerima keadaan dirinya dan orang lain; ia merasakan gembira tentang nikmat hidup dan telah menggunakan kebolehannya dengan semaksimanya.

### 5.0 PENUTUP

Transformasi dalam bidang pendidikan yang berteraskan kepada teknologi canggih serta berunsurkan kemodenan sering diwarwarkan supaya dapat dilaksanakan di peringkat sekolah. Ini kerana kita sentiasa memandang ke barat yang menjadi sumber inspirasi kepada kita untuk melaksanakan sesuatu yang baru.

Sistem pendidikan vokasional perlu kepada perubahan dari masa ke semasa kerana tidak ada satu sistem yang boleh dijadikan sebagai formula untuk menyelesai masalah vokasional untuk negara. Fokusnya yang selalu berubah menyebabkan perlu kaedah penyelesaian dinamik. Usaha-usaha untuk mewujudkan masyarakat Malaysia abad ke 21 yang berdaya saing dan berdaya maju digariskan dalam Wawasan 2020. Kesemua usaha ini

bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara moden dan maju, sebuah masyarakat industri yang adil, bermoral dan rasional dan mempunyai keperibadian sendiri.

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang berteknologi dan canggih yang dapat bersaing dan juga setanding dengan negara-negara yang maju pada tahun 2020. Keperluan sumber manusia yang begitu banyak pasti memberi cabaran yang besar kepada Pendidikan Teknik Dan Vokasional.

Adalah jelas daripada keterangan dan analisis yang dilakukan di atas bahawa pendidikan teknik dan vokasional boleh memainkan peranan penting dalam reformasi pendidikan di Malaysia. Hasil daripada pembaharuan-pembaharuan pendidikan teknik dan vokasional ini belum dapat dinilai dengan jelas. Apa yang diharapkan ialah supaya segala perancangan rapi itu dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan, dan jika terdapat rintangan atau halangan di pertengahan jalan, gejala-gejala sedemikian hendaklah segera diatasi.

Selain itu, konsep mengenal hakikat diri dapat dicapai melalui sistem pendidikan yang terancang. Ketika kita sedang berjuang dengan keperluan asas dan kehendak sendiri, kita tidak akan sedari kewujudan sedar kendiri. Tetapi ketika semua hal itu selesai, apabila kita diterima rakan-rakan dan disayangi oleh ahli keluarga serta puas hati dengan hidup, kita masih perlu untuk mempelopori untuk mengetahui seberapa jauh kita boleh pergi. Tidak boleh dinafikan bahawa manusia sebagai makhluk yang paling tinggi mempunyai keperluan yang kompleks. Sesuatu peringkat keperluan yang lebih tinggi tidak mungkin diperolehi setelah keperluan yang lebih rendah peringkatnya dipenuhi terlebih dahulu.

Konsep sedar kendiri memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang pendidikan. Seseorang itu memerlukan konsep sedar kendiri untuk mengerakkan dirinya untuk mencapai kualiti kerja atau kejayaan yang lebih cemerlang. Seseorang yang mencapai tahap sedar kendiri bermakna dia telah memperolehi kekuatan untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan. Begitu juga dengan kepuasan, jika seseorang itu telah mencapai tahap sedar kendiri, maka secara tidak langsung kehendak mereka telah dipenuhi. Memenuhi kehendak dan kemahuan oleh seseorang itu boleh memberikan suatu kepuasan yang tidak terhingga pada diri seseorang. Sebagai contoh, seorang pelajar yang telah mencapai tahap sedar kendiri ialah pelajar yang mempunyai minat untuk belajar bagi mencapai matlamatnya. Individu tersebut akan mendengar dan memberikan perhatian sepenuhnya kepada pelajarannya. Dia aktif di dalam dan di luar kelas, mudah bertindak dan sedia menerima teguran dan arahan guru. Dia boleh berdikari dan sentiasa memberikan pendapat dan pandangan dalam proses pembelajaran. Individu seperti ini mempunyai penggerak dalam dirinya untuk mencapai kecemerlangan akademik dan juga dalam hidup keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Atan Long (1976). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blewitt Pamela & Broderick, Patricia C, (2006). *The Life Span Human Development For Helping Professional*.
- Haji Yahya Bin Emat (2005). *Kepentingan Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) Di Malaysia*. IBS Buku Sdn.Bhd.
- Myers,D.G. (2000). *The Funds, Friends And Faith Of Happy People*. American Psychologist , 55,56-57.
- Rathus,S.A. & Nevid. J. S. (1995). *Adjustment And Growth : The Challenges of Life*. Harcourt Brace College Publishers.
- Santrock.J.N (2006). Human Adjustment. New York: McGraw Hill